

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S9, S10, S12, S13, S14.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)/Kementerian Kesihatan Malaysia/Jabatan Kerja Sosial Perubatan di hospital-hospital kerajaan di seluruh Malaysia.

3. RINGKASAN TUGAS

Merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan memantau penubuhan dan perluasan Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Skim Rondaan Sukarela (SRS), Tabika Perpaduan (TP) dan Taska Permata Perpaduan (TPP). Mengesan dan mengumpul maklumat/data iklim perpaduan, isu-isu sensitif keagamaan dan bertindak terhadap isu-isu yang boleh mengancam keselamatan negara, merangka dan melaksanakan program/aktiviti yang mampu mencegah, mencecah dan memulih keadaan yang menggugat keselamatan negara khasnya dan komuniti setempat amnya. Berusaha mempertingkatkan kesefahaman masyarakat setempat terhadap kepentingan integrasi nasional, patriotisme dan hubungan antara etnik berlandaskan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan. Memberi perkhidmatan biopsikososial kepada pesakit semasa proses rawatan dan pemulihan serta membantu memulihkan kefungsi sosial agar pesakit menjadi lebih produktif, berdikari dan dapat kembali kepada komuniti selaras dengan batas keupayaan mereka.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S9

4.1.1 Aspek Keselamatan Sosial

- a. Membantu menyediakan pelan strategik bagi pemantapan dan pengendalian RT dan SRS.
- b. Membantu menyemak penyediaan maklumat untuk penubuhan dan pembatalan RT, perluasan SRS, TP dan TPP.
- c. Membantu menyediakan agihan bajet bagi perluasan, pengendalian dan pengurusan KRT/SRS.

- d. Memastikan pematuhan terhadap Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 dalam perluasan dan pengendalian RT/SRS mengikut kesesuaiannya dengan keperluan semasa.
- e. Membantu membuat perakuan kepada YB Menteri mengenai kepentingan Sektor Keselamatan dan Sektor Pendaftaran dalam sesebuah Rukun Tetangga berdasarkan ancaman dan keselamatan setempat.
- f. Menjalankan tugas-tugas pemantauan dan pengesanan isu/konflik yang berlaku bagi mengetahui suasana iklim perpaduan dalam masyarakat.
- g. Membantu merancang penubuhan dan pengukuhan Kumpulan Mediator Komuniti dalam menangani isu-isu konflik yang berlaku dalam kawasan kejiranan setempat.
- h. Membantu menganalisa Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau *Societal Stress Index* (SSI) berdasarkan pemantauan dan pengesanan isu/konflik yang dikenalpasti setiap hari melalui pelaporan dari Penolong dan Pembantu Pembangunan Masyarakat di peringkat negeri dan daerah/ bahagian, internet, akhbar dan blog.
- i. Membantu menganalisa Indeks Toleransi Agama berdasarkan maklumat pengesanan isu-isu berkaitan dengan agama.

4.1.2 Aspek Perpaduan Masyarakat

- a. Membantu merancang, menyelaras dan menilai program-program kejiranan ke arah kewujudan komuniti yang harmoni, sejahtera dan selamat melalui pendekatan pencegahan, pencelahan, pemulihan dan penggalakan.
- b. Membantu merancang, menyelaras, memantau dan menilai program-program pendidikan perpaduan ke arah membudayakan perpaduan dalam komuniti.

4.1.3 Aspek Bina Negara

- a. Membantu merangka perancangan program/aktiviti untuk meningkatkan pemahaman, pengamalan serta penghayatan masyarakat terhadap Prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan ke arah pengukuhan semangat patriotism di kalangan masyarakat.

- b. Membantu merancang, memantau, melaksanakan dan menganalisa program-program ke arah pengukuhan integrasi nasional melalui aktiviti silang budaya dan kefahaman adat resam masyarakat pelbagai etnik.
- c. Membantu merancang dan melaksanakan program-program bercorak '*Ethnic Alightment*' untuk mengukuh dan meningkatkan penerimaan serta penghayatan masyarakat terhadap Gagasan 1 Malaysia.

4.1.4 Aspek Perkhidmatan Kepada Pesakit

- a. Menjalankan penilaian biopsikososial dengan pesakit dan keluarga/waris dan pihak-pihak lain yang berkaitan untuk mengenalpasti masalah dan diagnosis sosial yang dihadapi oleh pesakit yang dirujuk untuk mendapatkan maklumat tentang keperluan pesakit.
- b. Mengadakan perbincangan dengan Pegawai Perubatan/ Pakar/lain-lain *Allied Health Professional* tentang keperluan pesakit yang dirujuk.
- c. *Crisis Management*: Menjalankan intervensi kaunseling atau Terapi Sokongan secara individu, kelompok dan keluarga. Ini untuk memberi kefahaman tentang penyakit dan masalah yang dihadapi oleh pesakit dari segi rawatan dan pemulihan, komplikasi serta impak yang wujud akibat daripada penyakit yang dihadapi oleh pesakit.
- d. Menjalankan intervensi Bantuan Praktikal mengikut keperluan pesakit meliputi:
 - i. sokongan kewangan dari segi keperluan rawatan, peralatan perubatan, ubat-ubatan, prostetik dan ortotik, implan, makanan khas, pengangkutan, peralatan sokongan dan pemulihan (rawatan kepakaran lanjutan di Institut Jantung Negara, Nayarana Bangalore melalui Tabung Bantuan Perubatan).
 - ii. penginapan dalam rawatan (*halfway house*, Balai Pelawat Hospital).
 - iii. penempatan institusi.
 - iv. penempatan rawatan lanjutan (hemodialisis, *day care*, *bone marrow transplant*, *kidney transplant*).
 - v. *networking* dengan pihak GO's dan NGO's.

- vi. bantuan kecemasan semasa pesakit dalam situasi krisis dan trauma.
- e. Membuat Perancangan Discaj mengikut keperluan pesakit.
- f. Membuat lawatan ke rumah pesakit. Tujuan lawatan ke rumah pesakit dibuat adalah untuk:
 - i. Mengidentifikasi disfungsi pesakit/sistem sokongan pesakit (*social support*).
 - ii. Mendapatkan maklumat yang lebih lengkap untuk menyediakan laporan penilaian sosio-ekonomi.
 - iii. Mengesan keluarga pesakit dan mengesahkan maklumat yang diperolehi.
 - iv. Mewujudkan perhubungan dengan pesakit dan keluarga.
 - v. Melihat kesesuaian peralatan/bantuan yang diberikan.
 - vi. Merancang discaj pesakit serta memastikan *compliance* rawatan dan pemulihan pesakit.
 - vii. Mengenal pasti halangan-halangan dan limitasi keupayaan pesakit dalam menjalani proses rawatan.
 - viii. Memberi pendidikan tentang rawatan kesihatan (family education) serta sokongan emosi kepada pesakit dan keluarga.
 - ix. Mengenal pasti masalah-masalah sampingan.
 - x. Menyelia *social management* dan membuat *follow up* selepas pesakit discaj dari hospital.
- g. Menyediakan laporan sosioekonomi pesakit untuk:
 - i. Memberi maklumbalas kepada pegawai yang merujuk (Pegawai Perubatan/Pakar).
 - ii. Memberi maklumat yang lengkap kepada agensi-agensi pemberi bantuan luar iaitu GO's dan NGO's.
 - iii. Menyokong permohonan untuk pesakit yang memerlukan rawatan lanjut di Institut Jantung Negara (IJN).

- h. Menyelaras dan menguruskan permohonan Tabung Bantuan Perubatan (TBP), Kementerian Kesihatan Malaysia untuk pesakit-pesakit yang miskin dan kurang berkemampuan.
- i. Menghadiri *ward round* bersama dengan *medical team* (Pakar Perubatan) yang berperanan sebagai *multi disciplinary team*:
 - i. Memberi maklumbalas kepada pegawai yang merujuk (Pegawai Perubatan/Pakar).
 - ii. Memberi maklumat latar belakang psikososial pesakit.
 - iii. Berbincang langkah-langkah untuk memudahkan (facilitate) proses rawatan pemulihan kepada pesakit.
 - iv. Membina jaringan kerjasama (*networking*) dan berperanan sebagai *liaison officer* antara pesakit dengan pihak hospital dan agensi-agensi lain yang mempunyai hubung kait dengan pesakit.
- j. Mengesan waris pesakit terdampar:
 - i. Memberi maklumbalas kepada pegawai yang merujuk (Pegawai Perubatan/Pakar).
 - ii. Mengiringi pesakit bagi mengenalpasti tempat tinggal mereka.
 - iii. Menghubungi agensi-agensi berkaitan melalui telefon, surat-menyurat dan perjumpaan seperti Jabatan Pendaftaran, Jabatan Imigresen, kedutaan dan polis bagi membantu mengesan waris pesakit.
 - iv. Memaparkan gambar pesakit melalui media cetak dan elektronik (akhbar-akhbar dan televisyen).
- k. Mengenalpasti dan meneroka potensi dalam diri pesakit dan sumber-sumber yang terdapat dalam komuniti yang boleh dimanfaatkan untuk membantu pesakit.
- l. Menghadiri mesyuarat berikut:
 - i. Mesyuarat Jabatan di peringkat hospital.

- ii. Mesyuarat di jabatan klinikal di mana pegawai ditugaskan seperti *One Stop Crisis Centre* (OSCC), Pasukan Pencegah Penganiayaan dan Pengabaian Kanak-kanak (SCAN Team).
- iii. Mesyuarat-mesyuarat luar yang diadakan oleh GO's dan NGO's seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis, Jabatan Agama Islam, Perkim, institusi-institusi kebajikan dan lain-lain.

4.2 Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S10

4.2.1 Aspek Keselamatan Sosial

- a. Menyediakan pelan strategik bagi pemantapan dan pengendalian RT dan SRS.
- b. Menyemak penyediaan maklumat untuk penubuhan dan pembatalan RT, perluasan SRS, TP dan TPP.
- c. Menyediakan agihan bajet bagi perluasan, pengendalian dan pengurusan KRT/SRS.
- d. Memastikan pematuhan terhadap Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 dalam perluasan dan pengendalian RT/SRS mengikut kesesuaiannya dengan keperluan semasa.
- e. Membuat perakuan kepada YB Menteri mengenai kepentingan Sektor Keselamatan dan Sektor Pendaftaran dalam sesebuah Rukun Tetangga berdasarkan ancaman dan keselamatan setempat.
- f. Menganalisa Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau *Societal Stress Index* (SSI) berdasarkan pemantauan dan pengesanan isu/konflik yang dikenalpasti setiap hari melalui pelaporan dari Penolong dan Pembantu Pembangunan Masyarakat di peringkat negeri dan daerah/bahagian, internet, akhbar dan blog.
- g. Merancang, menerajui dan melaksanakan program-program ke arah perpaduan dan penyatuan masyarakat sebagai benteng keselamatan negara di bawah Program Pertahanan Menyeluruh atau HANRUH.
- h. Merancang penubuhan dan pengukuhan Kumpulan Mediator Komuniti dalam menangani isu-isu konflik yang berlaku dalam kawasan kejiranan setempat.

- i. Membantu menganalisa Indeks Toleransi Agama berdasarkan maklumat pengesanan isu-isu berkaitan dengan agama.

4.2.2 Aspek Perpaduan Masyarakat

- a. Membantu memantau dan menganalisa isu-isu perhubungan antara agama yang berlaku di peringkat negeri dan menyediakan laporan tindakan-tindakan yang diambil dan tindakan susulan yang dirangka bagi mengawal keadaan agar tidak meruncing dan boleh mengganggu gugat keharmonian masyarakat.
- b. Merancang program-program kejiranan ke arah kewujudan komuniti yang selesa sejahtera dan selamat melalui pendekatan pencegahan, pencelahan, pemulihan dan penggalakan.
- c. Merancang dan memantau pelaksanaan program-program pendidikan perpaduan dalam kawasan setempat sebagai mekanisme untuk membudayakan perpaduan dalam komuniti.

4.2.3 Aspek Bina Negara

- a. Merangka perancangan program/aktiviti untuk meningkatkan pemahaman, pengamalan serta penghayatan masyarakat terhadap Prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan ke arah pengukuhan semangat patriotismedi kalangan masyarakat.
- b. Merancang, memantau dan melaksanakan program-program ke arah pengukuhan integrasi nasional melalui aktiviti silang budaya dan kefahaman adat resam masyarakat pelbagai etnik.
- c. Merancang dan melaksanakan program-program bercorak *Ethnic Alightment* untuk mengukuh dan meningkatkan penerimaan serta penghayatan masyarakat terhadap Gagasan 1 Malaysia.

4.2.4 Aspek Perkhidmatan Kepada Pesakit

- a. Menjalankan penilaian biopsikososial dengan pesakit dan keluarga/waris dan pihak-pihak lain yang berkaitan untuk mengenalpasti masalah dan diagnosis sosial yang dihadapi oleh pesakit yang dirujuk untuk mendapatkan maklumat tentang keperluan pesakit.

- b. Mengadakan perbincangan dengan Pegawai Perubatan/ Pakar/lain-lain *Allied Health Professional* tentang keperluan pesakit yang dirujuk.
- c. *Crisis Management*: Menjalankan intervensi kaunseling atau Terapi Sokongan secara individu, kelompok dan keluarga. Ini untuk memberi kefahaman tentang penyakit dan masalah yang dihadapi oleh pesakit dari segi rawatan dan pemulihan, komplikasi serta impak yang wujud akibat daripada penyakit yang dihadapi oleh pesakit.
- d. Menjalankan intervensi Bantuan Praktikal mengikut keperluan pesakit:
 - i. sokongan kewangan dari segi keperluan rawatan, peralatan perubatan, ubat-ubatan, prostetik dan ortotik, implan, makanan khas, pengangkutan, peralatan sokongan dan pemulihan (rawatan kepakaran lanjutan di Institut Jantung Negara, Nayarana Bangalore melalui Tabung Bantuan Perubatan).
 - ii. Penginapan dalam rawatan (*halfway house*, Balai Pelawat Hospital).
 - iii. Penempatan institusi.
 - iv. Penempatan rawatan lanjutan (hemodialisis, *day care*, *bone marrow transplant*, *kidney transplant*).
 - v. *Networking* dengan pihak GOs dan NGOs.
 - vi. Bantuan kecemasan semasa pesakit dalam situasi krisis dan trauma.
- e. Membuat Perancangan Discaj mengikut keperluan pesakit.
- f. Membuat lawatan ke rumah pesakit. Tujuan lawatan ke rumah pesakit dibuat adalah untuk:
 - i. Mengidentifikasi disfungsi pesakit/sistem sokongan pesakit (*social support*).
 - ii. Mendapatkan maklumat yang lebih lengkap untuk menyediakan laporan penilaian sosio-ekonomi.
 - iii. Mengesan keluarga pesakit dan mengesahkan maklumat yang diperolehi.

- iv. Mewujudkan perhubungan dengan pesakit dan keluarga.
 - v. Melihat kesesuaian peralatan/bantuan yang diberikan.
 - vi. Merancang discaj pesakit serta memastikan *compliance* rawatan dan pemulihan pesakit.
 - vii. Mengenalpasti halangan-halangan dan limitasi keupayaan pesakit dalam menjalani proses rawatan.
 - viii. Memberi pendidikan tentang rawatan kesihatan (*family education*) serta sokongan emosi kepada pesakit dan keluarga.
 - ix. Mengenal pasti masalah-masalah sampingan.
 - x. Menyelia *social management* dan membuat *follow up* selepas pesakit discaj dari hospital.
- g. Menyediakan laporan sosioekonomi pesakit untuk:
- i. Memberi maklum balas kepada pegawai yang merujuk (Pegawai Perubatan/Pakar).
 - ii. Memberi maklumat yang lengkap kepada agensi-agensi pemberi bantuan luar iaitu GOs dan NGOs.
 - iii. Menyokong permohonan untuk pesakit yang memerlukan rawatan lanjut di Institut Jantung Negara (IJN).
- h. Menyelaras dan menguruskan permohonan Tabung Bantuan Perubatan (TBP), Kementerian Kesihatan Malaysia untuk pesakit-pesakit yang miskin dan kurang berkemampuan
- ii. Menghadiri *ward round* bersama dengan *medical team* (Pakar Perubatan) yang berperanan sebagai *multi disciplinary team*.
 - iii. Memberi maklumat latar belakang psikososial pesakit.
 - iv. Berbincang langkah-langkah untuk memudahkan (*facilitate*) proses rawatan pemulihan kepada pesakit.

- v. Membina jaringan kerjasama (networking) dan berperanan sebagai *liaison officer* antara pesakit dengan pihak hospital dan agensi-agensi lain yang mempunyai hubung kait dengan pesakit.
- i. Mengesan waris pesakit terdampar:
 - i. Mengiringi pesakit bagi mengenal pasti tempat tinggal mereka.
 - ii. Menghubungi agensi-agensi berkaitan melalui telefon, surat-menyurat dan perjumpaan seperti Jabatan Pendaftaran, Jabatan Imigresen, kedutaan dan polis bagi membantu mengesan waris pesakit.
 - iii. Memaparkan gambar pesakit melalui media cetak dan elektronik (akhbar-akhbar dan televisyen).
- j. Mengetahui dan meneroka potensi dalam diri pesakit dan sumber-sumber yang terdapat dalam komuniti yang boleh dimanfaatkan untuk membantu pesakit.
- k. Menjalankan *crisis intervention* bagi kes-kes trauma dan memerlukan intervensi segera seperti mangsa rogol, penderaan, ibu/remaja yang melahirkan anak tanpa nikah.
- l. Menghadiri mesyuarat:
 - a. Mesyuarat Jabatan di peringkat hospital.
 - b. Mesyuarat di jabatan klinikal di mana pegawai ditugaskan seperti *One Stop Crisis Centre* (OSCC), Pasukan Pencegah Penganiayaan dan Pengabaian Kanak-kanak (*SCAN Team*).
 - c. Mesyuarat-mesyuarat luar yang diadakan oleh GO's dan NGO's seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis, Jabatan Agama Islam, Perkim, institusi-institusi kebajikan dan lain-lain.

4.3 Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S12

4.3.1 Aspek Keselamatan Sosial

- a. Menyemak dan menyediakan Pelan Strategik bagi pemantapan dan pengendalian pelaksanaan RT dan SRS.

- b. Mengetuai penyelarasan agihan peruntukan RT dan SRS ke negeri-negeri bagi membolehkan pelaksanaan program keselamatan sosial dijalankan di kawasan kejiranan.
- c. Memastikan tugas-tugas yang berhubung dengan pengendalian dan perluasan RT dan SRS mematuhi Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 Pindaan 1988.
- d. Menyemak Nota Makluman dan perakuan kepada Jemaah Menteri mengenai pemantapan peranan dan tanggungjawab RT dan SRS dalam membantu mengurangkan ancaman keselamatan dalam kawasan kejiranan setempat.
- e. Menyemak penyediaan maklumat/data penubuhan dan pembatalan RT dan SRS.

4.3.2 Aspek Perpaduan Masyarakat

- a. Menyelia penilaian dan penganalisaan Indeks Ketegangan Sosial (IKM) atau *Societal Stress Index* (SSI) dan mengemukakan cadangan tindakan diambil kepada Jemaah Menteri.
- b. Menyelia pengumpulan laporan isu/konflik dari negeri dan daerah/bahagian melalui sistem *online* e-sepakat.
- c. Menyelia pengumpulan dan pengimbasan maklumat/data Kumpulan Mediator Komuniti dalam KRT untuk proses penubuhan dan pelantikan mediator.
- d. Menyelia menganalisa Indeks Toleransi Agama berdasarkan maklumat pengesanan isu-isu berkaitan dengan agama.

4.3.3 Aspek Bina Negara

- a. Menyelia pelaksanaan program/ aktiviti berasaskan Prinsip Rukun dan Perlembagaan Persekutuan bagi mempertingkatkan pemahaman, pengamalan serta penghayatan masyarakat demi untuk memperkukuhkan semangat patriotism di kalangan rakyat Malaysia.
- b. Menyedia dan mengemaskini maklumat/data dan bahan-bahan taklimat berkaitan dengan pengukuhan integrasi nasional melalui Program Silang Budaya, kefahaman adat resam, pantang-larang dan hubungan antara etnik.

4.3.4 Aspek Perkhidmatan Klinikal Sosial Perubatan

- a. Menyelia tugas-tugas perkhidmatan berasaskan pendekatan biopsikososial kepada pesakit dan keluarga dalam aspek Terapi Sokongan dan Bantuan Praktik yang dikendalikan oleh S9 dan S10.
- b. Mengendalikan intervensi rawatan biopsikososial kepada pesakit dan keluarga dalam aspek Terapi Sokongan seperti:
 - i. *crisis intervention.*
 - ii. *individual/group therapy.*
 - iii. *brief therapy.*
 - iv. *grief therapy.*
 - v. *trauma therapy.*
 - vi. *marital therapy.*
 - vii. *behaviour modification.*
 - viii. *assertiveness building.*
- c. Menyelia intervensi rawatan biopsikososial kepada pesakit dan keluarga dalam aspek Bantuan Praktikal:
 - i. sokongan kewangan dari segi keperluan rawatan, peralatan perubatan, ubat-ubatan, prostetik dan ortotik, implan, makanan khas, pengangkutan, peralatan sokongan dan pemulihan (rawatan kepakaran lanjutan di Institut Jantung Negara, Nayarana Bangalore melalui Tabung Bantuan Perubatan).
 - ii. penginapan dalam rawatan (*halfway house*, Balai Pelawat Hospital).
 - iii. penempatan institusi.
 - iv. penempatan rawatan lanjutan (*hemodialysis, day care, bone marrow transplant, kidney transplant*).
 - v. *networking* dengan pihak GO's dan NGO's.
- d. Menyelia dan mengendalikan aktiviti-aktiviti pemulihan kepada kumpulan sasaran berasaskan pendekatan

biopsikososial agar pesakit menjadi produktif, berdikari dan dapat kembali kepada komuniti selaras dengan batas keupayaan mereka.

- e. Menyelia dan mengendalikan program pencegahan kepada kumpulan sasaran yang berisiko tinggi dalam aspek biopsikososial.

4.3.5 Aspek Pentadbiran

- a. Menguruskan hal-hal pentadbiran Jabatan Kerja Sosial Perubatan.
- b. Menyelia dan mengawasi kakitangan di bawahnya termasuk penyeliaan tentang perkhidmatan kepada pesakit-pesakit.
- c. Merancang unjuran perjawatan dan keperluan fizikal untuk Jabatan Kerja Sosial Perubatan di peringkat hospital.
- d. Merancang dan merangka sasaran kerja tahunan (SKT) bagi Pegawai Kerja Sosial Perubatan di hospital.
- e. Membuat penilaian prestasi tahunan pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah penyeliaan dan jagaan.
- f. Menyediakan laporan-laporan untuk hospital dan Kementerian Kesihatan Malaysia:
 - i. laporan perangkaan bulanan tentang kes-kes pesakit.
 - ii. laporan tahunan tentang statistik pesakit.
 - iii. beban kerja.
 - iv. laporan tahunan jabatan.

4.3.6 Aspek Mengajar/Menyelia/Merancang/Latihan CPD

- a. Melaksanakan program latihan dalam perkhidmatan kerja sosial perubatan bagi pegawai-pegawai yang baru dilantik dan yang dalam perkhidmatan bagi peringkat hospital.
- b. Mengkoordinasi sesi ceramah berkaitan perkhidmatan kerja sosial perubatan kepada kakitangan hospital di negerinya.
- c. Menyelia, menyelaraskan dan membuat penyeliaan pelajar-pelajar dari universiti tempatan yang menjalani latihan *attachment* di peringkat Sarjana dan Sarjana Muda yang

membuat latihan amali dan latihan lapangan.

4.3.7 Aspek Penyelidikan Dan Pembangunan

- a. Bertanggungjawab untuk menjalankan kajian dan penyelidikan tentang perkhidmatan kerja sosial perubatan bagi meningkatkan prestasi dan kualiti perkhidmatan yang akan diberikan kepada masyarakat, komuniti dan pesakit.
- b. Bekerjasama dengan disiplin-disiplin klinikal dan institusi-institusi pengajian tinggi dalam menjalankan kajian yang berkaitan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pesakit.

4.3.8 Aktiviti Peningkatan Kualiti

- a. Menyelaraskan aktiviti peningkatan kualiti dalam perkhidmatan kerja sosial perubatan di peringkat hospital untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif seperti QA, KPI, NIA, ISO, Akreditasi, Inovasi, 5S dan lain-lain.

4.4 Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S13

4.4.1 Aspek Keselamatan Sosial

- a. Menyelaraskan tugas-tugas berkaitan dengan pemantauan dan pengesanan isu/konflik yang dikenal pasti berlaku dalam kawasan kejiranan.
- b. Menyelaraskan dan menyemak syor-syor kepada Jemaah Menteri serta melaksanakan arahan atau perakuan yang diluluskan oleh Jemaah Menteri.
- c. Mengetuai dan menerajui perancangan dan pelaksanaan program-program ke arah perpaduan dan penyatuan masyarakat sebagai benteng keselamatan negara di bawah Program Pertahanan Menyeluruh atau HANRUH dalam komuniti.

4.4.2 Aspek Perhubungan Agama

- a. Merancang dan menyelaraskan tindakan-tindakan yang diambil bagi menangani isu-isu sensitif yang menyentuh sensitiviti keagamaan yang berlaku.
- b. Menyelaraskan pengesanan isu-isu sensitif yang menyentuh sensitiviti keagamaan pelbagai kaum di daerah/bahagian yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian

masyarakat.

- c. Menilai maklumat berkaitan dengan isu-isu agama melalui laporan isu/konflik di peringkat daerah/bahagian melalui sistem e-sepakat, internet, media cetak dan media elektronik.
- d. Menganalisa Indeks Toleransi Agama berdasarkan pengumpulan maklumat/data isu-isu berkaitan dengan agama dari seluruh negara.

4.4.3 Aspek Perpaduan Masyarakat

- a. Menyelaraskan penilaian dan penganalisan Indeks Ketegangan Sosial (IKM) atau *Societal Stress Index* (SSI) dan mengemukakan cadangan tindakan perlu diambil kepada Jemaah Menteri.
- b. Menyelaraskan penganalisan iklim perpaduan melalui sistem *online* e-sepakat.
- c. Menyelaraskan perancangan tindakan susulan serta perakuan kaedah penyelesaian menggunakan pendekatan penggalakan, pemulihan, pencegahan dan pencelahan (intervensi).
- d. Menyelaraskan penubuhan dan pengukuhan Kumpulan Mediator Komuniti dalam KRT sebagai usaha untuk menangani isu-isu konflik yang berlaku dalam kawasan kejiranan.
- e. Menyelaraskan penganalisan Indeks Toleransi Agama berdasarkan maklumat pengesanan isu-isu berkaitan dengan agama melalui laporan di peringkat negeri, daerah, bahagian, internet, akhbar dan blog.

4.4.4 Aspek Bina Negara

- a. Menyelaraskan perancangan dan pemantauan program/aktiviti untuk meningkatkan pemahaman, pengamalan serta penghayatan Prinsip Rukun Tetangga dan Perlembagaan Persekutuan di kalangan masyarakat sebagai usaha untuk memperkukuhkan semangat patriotism di kalangan rakyat Malaysia.
- b. Menyelaraskan dan mengemaskini maklumat/data dan bahan-bahan taklimat berkaitan dengan pengukuhan integrasi nasional melalui Program Silang Budaya, kefahaman adat resam, pantang-larang dan hubungan antara etnik.

4.4.5 Aspek Perkhidmatan Klinikal Sosial Perubatan

- a. Mengurus kes-kes yang memerlukan kepakaran dan pengalaman terutama kes-kes pesakit yang kronik dan kompleks termasuk dari segi emosi, sosial dan ekonomi.
- b. Menyelaras dan mengendalikan perkhidmatan kaunseling, perundingan, bimbingan dan membuat intervensi kepada pesakit-pesakit yang menghadapi situasi krisis dan trauma seperti mangsa rogol, sumbang mahram, kes-kes penderaan serta penganiayaan kanak-kanak dan mangsa keganasan rumahtangga, kes ibu tanpa nikah dan lain-lain melalui *One Stop Crisis Centre (OSCC)*.
- c. Menyelaras dan memberi khidmat perundingan dan pakar rujuk sebagai ahli pasukan rawatan *multi disciplinary* dalam khidmat yang berkaitan kerja sosial perubatan di jabatan, pakar-pakar dan kakitangan hospital seperti:
 - i. *Community mental health team.*
 - ii. *Rehab team.*
 - iii. *Geriatric team.*
 - iv. *Spinal team.*
 - v. *Breast Cancer support group.*
 - vi. *Stroke team.*
 - vii. *Schizophrenia support group.*
 - viii. *Neurosurgical team.*
 - ix. *Nephrology team.*
 - x. *Child Abuse and Neglect team.*
 - xi. *OSCC.*
- d. Sebagai *resource person* untuk memberi khidmat kepakaran disiplin kerja sosial perubatan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, komuniti, pesakit, ahli keluarga, agensi- agensi badan kerajaan (GO's) dan agensi-agensi badan bukan kerajaan (NGO's).

- e. Berperanan sebagai *liason officer* dan membuat *networking* antara hospital dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi memenuhi keperluan rawatan dan pemulihan pesakit seperti:
 - i. Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM).
 - ii. Tabung Bantuan Perubatan.
 - iii. Majlis Kanser Nasional.
 - iv. Malaysian Children Aids Society.
 - v. Lembaga Zakat.
 - vi. National Kidney Foundation.
 - vii. Mathoma Church.
 - viii. Biro Bantuan Guaman.
 - ix. Jabatan Kebajikan Masyarakat.
 - x. Kedutaan.
 - xi. Jabatan Pendaftaran Negara.
 - xii. Polis.
 - xiii. Imigresen.
 - xiv. Majlis Kerajaan Tempatan.
 - xv. Majikan-majikan pesakit.
 - xvi. Pertubuhan Keselamatan Pekerja (PERKESO).
 - xvii. AIDS Foundation.
 - xviii. Persatuan Diabetic/ Jantung/ Talasemia/ Haemophilia/ Down Syndrome/ Spastic/ Cacat Pendengaran/ Orang Buta/ Cacat Anggota/ Kesihatan Mental dan lain-lain.

4.4.6 Pembangunan dan Pentadbiran Sosial Perubatan

- a. Melaksanakan program-program pembangunan kerja sosial perubatan yang berterusan.

- b. Merancang unjuran perjawatan dan keperluan fizikal untuk Jabatan Kerja Sosial Perubatan di peringkat hospital dan kesihatan awam negeri.
- c. Menggubal soalan-soalan peperiksaan bagi Peperiksaan Jabatan untuk pengesahan dalam perkhidmatan dan Peperiksaan Tahap Kecekapan (PTK) bagi Pegawai Kerja Sosial Perubatan.
- d. Memeriksa (marking) kertas jawapan peperiksaan Jabatan untuk pengesahan dalam perkhidmatan dan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi Pegawai Kerja Sosial Perubatan.
- e. Menjadi Ahli Jawatankuasa Lembaga Pelawat hospital untuk memberi input dan maklumbalas tentang keperluan sosial pesakit-pesakit (social needs of patients) dalam meningkatkan proses rawatan dan pemulihan.
- f. Berfungsi sebagai sekretariat dan penyelaras kepada perkhidmatan sukarelawan di peringkat hospital.
- g. Menjaga dan mengekalkan standard dan piawaian Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan di peringkat hospital dan kesihatan awam negeri.
- h. Menyelaras, mengurus, menganalisa dan menilai keputusan analisa statistik bulanan dan tahunan tentang Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan dan menggunakan keputusan analisa untuk penambahbaikan mutu perkhidmatan kepada pesakit.

4.4.7 Mengajar/Menyelia/Merancang/ Latihan CPD

- a. Melaksanakan program latihan dalam perkhidmatan kerja sosial perubatan bagi pegawai-pegawai yang baru dilantik dan yang dalam perkhidmatan bagi peringkat hospital.
- b. Memberi dan mengkoordinasi sesi ceramah berkaitan perkhidmatan kerja sosial perubatan dan isu-isu serta permasalahan biopsikososial kepada kakitangan hospital, kumpulan sasaran dan komuniti.
- c. Menyelia dan menyelaras pelajar-pelajar dari universiti-universiti tempatan yang menjalani latihan industri (*attachment*) di peringkat Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana yang membuat latihan amali dan latihan lapangan.

4.4.8 Penyelidikan dan Pembangunan

- a. Bertanggungjawab untuk menjalankan kajian dan penyelidikan tentang perkhidmatan kerja sosial perubatan bagi meningkatkan prestasi dan kualiti perkhidmatan yang akan diberikan kepada masyarakat, komuniti dan pesakit seperti:
 - i. kepuasan pelanggan.
 - ii. perkhidmatan kepada kumpulan sasaran seperti kes keganasan rumah tangga, *child abuse and neglect*, kes rogol, *discharge problem*, *abandon patient (chronic illness)*.

4.5 Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S14

4.5.1 Aspek Keselamatan Sosial

- a. Menyelaras dan mengenalpasti isu-isu yang dilaporkan berkaitan dengan pemantauan dan pengesanan isu/konflik yang berlaku dalam kawasan kejiranan.
- b. Menyelaras syor-syor kepada Jemaah Menteri serta merancang tindakan susulan terhadap arahan atau perakuan yang diluluskan oleh Jemaah Menteri.
- c. Mengetuai dan menerajui perancangan dan pelaksanaan program-program ke arah perpaduan dan penyatuan masyarakat sebagai benteng keselamatan negara di bawah Program Pertahanan Menyeluruh atau HANRUH dalam komuniti.

4.5.2 Aspek Perhubungan Agama

- a. Merancang dan menyelaras tindakan-tindakan yang diambil bagi menangani isu-isu sensitif yang menyentuh sensitiviti keagamaan yang berlaku.
- b. Menyelaras pengesanan isu-isu sensitif yang menyentuh sensitiviti keagamaan pelbagai kaum di daerah/bahagian yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat.
- c. Menilai maklumat berkaitan dengan isu-isu agama melalui laporan isu/konflik di peringkat daerah/bahagian melalui sistem e-sepakat, internet, media cetak dan media elektronik.

- d. Menganalisa Indeks Toleransi Agama berdasarkan pengumpulan maklumat/ data isu-isu berkaitan dengan agama dari seluruh negara.

4.5.3 Aspek Perpaduan Masyarakat

- a. Menyelaras penilaian dan penganalisaan Indeks Ketegangan Sosial (IKM) atau *Societal Stress Index* (SSI) untuk pencapaian MKRA serta mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat secara bulanan kepada Menteri.
- b. Menyelaras penganalisaan iklim perpaduan melalui pelaporan isu/konflik dalam sistem e-sepakat secara *online*.
- c. Menyelaras pemantauan dan penganalisaan isu-isu berkaitan dengan perhubungan antara agama dan menyediakan perakuan, syor, langkah-langkah dan tindakan penyelesaian kepada Jemaah Menteri.
- d. Menyelaras perancangan dan penilaian program-program kejiranan dalam usaha kewujudan komuniti yang harmoni, sejahtera dan selamat melalui pendekatan pencegahan, pencelahan, pemulihan dan penggalakan.
- e. Menyelaras pemantauan dan penilaian program-program pendidikan perpaduan ke arah membudayakan perpaduan di setiap lapisan komuniti.
- f. Menyelaras kandungan dan objektif program penerangan/ taklimat/ ceramah mengenai situasi hubungan etnik di Malaysia.
- g. Menyelaras penganalisaan Indeks Toleransi Agama berdasarkan maklumat pengesanan isu-isu berkaitan dengan agama melalui laporan di peringkat negeri, daerah, bahagian, internet, akhbar dan blog.

4.5.4 Aspek Bina Negara

- a. Menyelaras dan mengemaskini maklumat dalam aspek *Ethnic Alightment* untuk program-program pengukuhan dan penghayatan masyarakat terhadap Gagasan 1 Malaysia.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Pegawai-Pegawai di pelbagai kementerian/jabatan/agensi lain.

Luaran

- a. Kementerian Kewangan.
- b. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- c. Kementerian Kesihatan Malaysia.
- d. Kementerian Pengajian Tinggi.
- e. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- f. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).
- g. Jabatan Perdana Menteri (JPM).
- h. Unit Perancangan Ekonomi, JPM (EPU).
- i. Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU).
- j. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).
- k. Jabatan Kerja Raya (JKR).
- l. Kementerian Belia dan Sukan.
- m. Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN).
- n. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- o. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- p. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).
- q. Jabatan Alam Sekitar.
- r. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- s. Majlis Perundingan Agama-agama Hindu, Buddha, Kristian, Sikh dan Taodan ACCIN.

- t. Kementerian Dalam Negeri (KDN)/Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- u. Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- v. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
- w. Kementerian Penerangan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW).
- x. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).
- y. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).
- z. Kementerian Pelancongan.
- aa. Kementerian Industri Asas Tani
- bb. Kementerian Perdagangan Dalam negeri
- cc. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.
- dd. Malaysia Airlines System (MAS).
- ee. Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO).
- ff. Institut Hubungan Etnik (KITA), UKM.
- gg. Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta.

6. PEPSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda/Sarjana yang diiktiraf dalam bidang sosiologi dan antropologi seperti Pembangunan Manusia, Perhubungan Etnik dan Ras, Pembangunan Komuniti dan Pendidikan Awal Kanak-kanak.
- b. Berkebolehan menilai dan menganalisa isu-isu perpaduan.
- c. Kebolehan dalam protokol dan *etiket social* di peringkat kebangsaan/negeri/daerah.
- d. Mempunyai ketahanan dan kemahiran mengawal emosi dalam ketegangan hubungan masyarakat setempat.

- e. Berkebolehan dalam memahami scenario politik.
- f. Berkebolehan dalam akta dan undang-undang berkaitan dengan Peraturan Perlu RT 1975, Akta Darurat 1969, Kanun Jenayah, Kuasa-kuasa Polis dalam SRS.
- g. Berkebolehan dalam mediasi dan risikan keselamatan komuniti.
- h. Berpengetahuan dan berkebolehan mengenai konsep-konsep perpaduan seperti asimilasi, akomodasi, amalgamasi dan integrasi.
- i. Berkebolehan memberi penerangan, penjelasan dan nasihat mengenai hal-hal berkaitan dengan hubungan etnik, budaya, adat resam dan pantang-larang dalam masyarakat pelbagai kaum.
- j. Berkemahiran dalam penggunaan pelbagai perisian seperti Microsoft Office, Micro Excel, Sistem Pembangunan Maklumat RT (e-RT, e-SRS, e-TP) dan e-sepakat.
- k. Berkebolehan dalam pengucapan awam dan berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

8. SIFAT–SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Keyakinan diri.
- b. Keinginan untuk bertindak.
- c. Berorientasikan pencapaian.
- d. Berfokuskan masyarakat.
- e. Masyarakat sebelum diri.
- f. Mengimbas keadaan persekitaran.
- g. Membina rangkaian hubungan.
- h. Kepimpinan.
- i. Mengenal pasti masalah-masalah setempat dan memahami implikasinya.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Penglibatan dengan penyertaan orang awam dan publisiti.
- b. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat (hujung minggu dan cuti umum).

- c. Boleh diambil tindakan undang-undang.
- d. Semasa menjalankan tugas risikan.
- e. Semasa menjalankan rondaan SRS.
- f. Berhadapan dengan kumpulan masyarakat yang agresif.
- g. Berhadapan dengan masyarakat yang berfahaman politik berbeza.
- h. Berhadapan dengan masyarakat yang fanatik terhadap agama.
- i. Pelaporan maklumat yang tidak tepat melalui media elektronik dan mediacetak.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia. Surat Rujukan: Bil (21) dlm.KKM-61 (1969) Jld.3 bertarikh 24 Mei 2010.
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Surat Rujukan: JPNIN.02/597/11 (AEP) Klt.23 (36) bertarikh 27 Mei 2010.